



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

15 MAC 2022 (SELASA)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

15 MAC 2022 (SELASA)



KPDNHEP perkenal lesen khas peniaga dalam talian

Kementerian dalam usaha perangai kegiatan penipuan

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan memperkenalkan lesen khas kepada peniaga dalam talian dalam usaha memerangi kegiatan penipuan.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata pihaknya sedang memperhalusi langkah terbabit bagi membolehkan pelaksanaannya dibuat secepat mungkin.

"Bagaimanapun, perincian mengenainya akan diberikan secara bertulis supaya datanya lebih tepat," katanya ketika menjawab soalan tambahan Datuk Seri Salim Sharif (BN-Jempol) di Dewan Rakyat, mengenai inisiatif memperkenalkan lesen khas bagi peniaga dalam talian.

Terdahulu, Alexander mendedahkan, sebanyak 24,018 aduan membabitkan kes penipuan secara dalam talian dan media elektronik diterima KPDNHEP sepanjang 2020 hingga 17 Februari tahun ini, membabitkan kerugian RM21.7 juta.

"Kes penipuan dalam talian ini mungkin dipantau atau di-



Alexander Nanta Linggi menjawab soalan pada sesi pertanyaan Menteri sempena Mesyuarat Pertama Penggal Kelima, Parlimen ke-14 di Parlimen, semalam. (Foto BERNAMA)

kawal selia oleh kementerian berkaitan lain. Saya ingin maklumkan data ini adalah aduan dilaporkan kepada KPDNHEP sahaja," katanya.

Beliau menjawab soalan Dr Wan Azizah Wan Ismail (PKR-Pandan) mengenai jumlah kerugian terkini daripada penipuan secara dalam talian dan media elektronik serta tindakan menyeluruh pihak berwajib.

Alexander berkata, KPDNHEP turut menjalin kerjasama dengan agensi berkaitan, termasuklah syarikat telekomunikasi dan pengendali tapak pasar dalam talian bagi membantas kegiatan manipulasi peniaga tidak beretika.

"Kementerian juga dalam proses menguatkuasakan perundangan transaksi dalam talian menerusi pindaan Akta Perdagangan Elektronik 2006

dengan penglibatan Multimedia Development Corporation (MDeC).

"Ia turut membabitkan pengendali tapak pasar dalam talian dan pemain industri berkaitan tindakan penguatkuasaan secara lebih bersepadu, selaras Pelan Hala Tuju Strategik eDagang (NESR)," katanya.

Sementara itu, Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Datuk Jonathan Yasin, berkata sebanyak 51,631 kes membabitkan jenayah dalam talian dengan kerugian bernilai lebih RM1.6 bilion direkodkan bagi tempoh 2019 hingga 2021.

Katanya, pembelian dalam talian merekodkan kes tertinggi iaitu sebanyak 18,857 kes, diikuti pinjaman tidak wujud dengan 15,546 kes.

"Pelbagai usaha dijalankan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk memerangi sindiket penipuan termasuk meningkatkan penguatkuasaan undang-undang.

"Pihak berkuasa turut meningkatkan pengoperasian dan tangkapan seterusnya menjalankan pendakwaan terhadap mereka yang terbabit dalam penipuan," katanya ketika menjawab soalan Su Keong Siong (PH-Kampar) yang meminta Kementerian Dalam Negeri (KDN) memperincikan statistik kes penipuan pembelian dalam talian bagi tempoh 2019 hingga 2021.

Jonathan berkata, sepanjang tempoh itu, seramai 23,349 penahanan dibuat terhadap individu yang terbabit dalam kes jenayah dalam talian dengan 16,029 pertuduhan dilakukan di mahkamah.

MISAPPROPRIATION OF CONTROLLED ITEMS

TOUGH MEASURES TO PROTECT CONSUMERS

Supplies Act amendments include no-warrant arrest, disposal of seized goods

NURADZIMMAH DAIM
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my



Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi answering questions from members of parliament yesterday. BERNAMA PIC

TOUGH measures to enhance enforcement against and prosecution of errant sellers, such as arrest without warrant (under Section 10) and disposal of seized goods, are in proposed amendments to the Control of Supplies Act.

Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said these would be proposed under three new sub-sections of the Control of Supplies (Amendment) Bill 2021, to be tabled in the current parliamentary session.

He said the inclusion of new sub-sections involved Section 12A on disposal of easily damaged, highly-flammable and costly goods, Section 12B to exclude claims against the government by any party in regard to confiscated goods, unless the seizure was made without reasonable cause, and Section 25A on the sampling of confiscated items for investigations.

"Improvements to the Control of Supplies Act will allow effective investigation and prosecution of cases involving misappropriation of controlled items.

"Through constantly updated and improved legislation and enforcement, commercial crimes can be reduced to ensure the availability of essential goods in the market," he said in reply to a question from Datuk Robert Lawson Chuah (PBB-Betong).

Nanta said the act was among those reviewed to adapt to the current market environment, where e-commerce was widely used.

Others are the Direct Sales and Anti-Pyramid Scheme Act 1993 to expand the scope of direct selling

to promote good direct sales practices, as well as the Consumer Protection (Electronic Trade Transactions) Regulations, Hire Purchase Regulations and the Price Control and Anti-Profiteering Regulations.

"The ministry is continuously monitoring online business activities in accordance with the law. Following the Covid-19 pandemic and the new norm, online shopping has become a popular choice for consumers in buying goods," he said in reply to a question from Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (PKR-Pandan).

Nanta said online scams were also being monitored by government agencies and the ministry had been working with the police, the National Registration Department, Bank Negara Malaysia, Companies Commission of Malaysia and the Communications and Multimedia Commission, as well as telecommunication companies and online market operators, to curb manipulation and unethical business practices.

He said the government was also in the midst of enforcing the law on online transactions through the Electronic Commerce Act 2006 in line with the National Ecommerce Strategic Roadmap.

He added that the ministry had received 24,018 consumer complaints on online scams between 2020 and Feb 17 this year, involving losses of RM21.7 million.

Deputy Home Minister II Datuk Jonathan Yasin said a total of 51,631 online fraud cases were reported in Malaysia between 2019 and last year, involving losses of RM1.61 billion.

He said online purchases com-

prised the highest number of complaints with 18,857 cases, followed by non-existent loans at 15,546.

"Various efforts were carried out by the police to combat scam syndicates.

"The CCID Scam Response Centre (helpline) 03-2610 1559 was also established to allow the public to obtain information and validate calls for questionable transactions. The helpline is open from 9am to 10pm daily," he said in reply to a question from Su Keong Siong (DAP-Kampar).

He said the Cyber Crime Alert Royal Malaysian Police Facebook page was also created to expose fraudulent schemes.

The police had also set up the portal <http://ccid.rmp.gov.my/semakmule> to enable the public to check telephone and bank account numbers used by syndicates.

He said 26,349 arrests were made between 2019 and last year, and 16,029 charges were brought against the offenders.


Apart from commercial crime prevention campaigns, talks and dialogues with government servants, private companies and non-governmental organisations were conducted periodically.

Yasin said the Malaysia Muslim Consumers Association and Malaysia IT Retailers Association had also been active in educating the public to prevent them from falling victim to online fraud.

Mohamad Sabu (Amanah-Kota Raja) said he was almost duped by an individual who claimed to be a policeman.

"He called me and asked for money, saying that his mother was sick. I even intended to transfer some cash to the person.

"However, I remembered (of fraud cases) and immediately checked with the district police chief whom the person claimed to be working under, and was told that the name given was not on the staff list," said Mohamad.



KPDNHEP terima 24,019 aduan tipu dalam talian melibatkan kerugian RM21.7 juta

KUALA LUMPUR - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menerima 24,018 aduan berkaitan penipuan secara dalam talian dan media elektronik dari 2020 hingga 17 Februari lalu melibatkan kerugian sebanyak RM21.7 juta.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, jumlah tersebut melibatkan aduan yang dilaporkan ke kementerian itu, tidak termasuk aduan kepada agensi atau kementerian lain yang turut memantau perkara berkaitan.

"Kementerian mengadakan jaringan kerjasama dengan agensi berkaitan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Suruhanjaya

Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) termasuk syarikat telekomunikasi serta pengendali tapak pasar dalam talian bagi membanteras kegiatan manipulasi peniaga tidak beretika.

"Kementerian juga sedang dalam proses menguatkuasakan perundangan transaksi dalam talian menerusi pindaan Akta Perdagangan Elektronik 2006 dengan penglibatan Multimedia Development Corporation (MDeC), pengendali tapak pasar dalam talian dan pemain industri berkaitan tindakan penguatkuasaan secara lebih bersepadu selaras dengan Pelan Hala Tuju Strategik eDagang (NESR)," katanya.



ALEXANDER NANTA LINGGI

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan **Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (PKR-Pandan)**.

Dalam pada itu, Alexander turut memaklumkan, KPDNHEP telah meminda dan akta yang dikuatkuasakan oleh kementerian itu.

"KPDNHEP meminda Rang Undang-Undang Kawalan Bekalan (Pindaan) 2021 melibatkan perluasan skop tangkapan tanpa waran bagi mengekang perbuatan jenayah di bawah akta itu serta peruntukan pindaan yang membolehkan penjualan dibuat bagi barang sitaan jenis mudah rosak, mudah terbakar dan berkos tinggi.

"Pindaan ini juga menyentuh berhubung pengambilan sampel bagi memudahkan pembuktian pendakwaan di mahkamah.

"Selain itu Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993 turut dipinda bertujuan untuk memperluaskan skop jualan langsung dalam usaha menggalakkan amalan perniagaan baik di Malaysia," katanya.

Sementara itu, Alexander turut memaklumkan, peraturan yang sedang dalam semakan dan diperhalusi untuk dipinda bagi kepentingan industri dan pengguna antaranya Peraturan Perlindungan Pengguna (Urusniaga Perdagangan Elektronik), Peraturan-Peraturan Sewa Beli dan Peraturan-Peraturan Kawalan Harga Dan Antipencatutan.

Bekalan bahan mentah cukup menjelang Ramadan, Aidilfitri

antaranya beras, gandum minyak dan telur ayam. Insya-ALLAH rakyat tidak perlu bimbang, ia mencukupi menjelang puasa dan hari raya," katanya kepada pemberita pada Majlis Perasmian Bazar Ramadan 2022 @Lulu Hypermarket di sini pada Isnin.

Mengulas berhubung kenaikan makanan berasaskan ayam menjelang Ramadan ini, beliau mengaku bahawa ia berlaku susulan kenaikan makanan ternakan serta baja yang berpunca daripada Covid-19, banjir, kadar pertukaran mata wang serta peperangan.

"Perkara itu sedikit sebanyak menjejaskan (makanan berasaskan ayam) tapi pihak kita akan berterusan memantau harga dan juga keberadaan barang dalam pasaran," katanya.

Sebelum itu, Rosol berkata,



Rosol (kanan) membuat tinjauan harga barang selepas Perasmian Bazar Ramadan 2022 di Lulu Hypermarket Pusat Membeli Belah Setia City, Shah Alam pada Isnin.

Bazar Ramadan 2022 @ Lulu Hypermarket yang bermula Isnin sehingga 4 Mei depan yang dianjurkan Lulu Group Retail Sdn

Bhd adalah bertujuan memberi pilihan barangan dengan potongan harga yang murah sehingga 50 peratus kepada rakyat khusus-

nya ketika menjelang Ramadan dan Aidilfitri dan mengharapkan langkah itu turut diikuti oleh pasar raya lain. - Bernama

KPDNHEP Melaka keluarkan kompaun RM18,600

MELAKA -Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka mengeluarkan kompaun berjumlah RM18,600 kepada peniaga dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini.

Pengarahnya, Norena Jaafar berkata, kompaun berkenaan melibatkan sebanyak 123 kes dengan nilai sitaan RM1,427.30.

Menurutnya, daripada jumlah itu, 93 kes diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan, lima kes di bawah Akta Kawalan Bekalan, 17 kes melibatkan Akta Timbang Sukat dan lapan kes berkaitan Akta Perlindungan Pengguna.

Katanya, dalam tempoh Januari hingga Mac, pemeriksaan di 9,898 buah premis telah dilakukan bagi memastikan segala undang-undang yang dikuatkuasakan oleh kementerian dipatuhi peniaga.

"Berdasarkan statistik, KPDNHEP Melaka telah menyelesaikan sebanyak 647 aduan yang berkaitan kepenggunaan sepanjang tahun lalu.

"Bermula Januari sehingga 13 Mac tahun ini kita telah merekodkan sebanyak 121 aduan yang diterima melalui pelbagai



Anggota penguat kuasa KPDNHEP Melaka sedang membuat pemeriksaan dan pemantauan harga bekalan minyak masak di salah sebuah kedai.

medium yang disediakan oleh pihak kementerian," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Jelas beliau, sebanyak 188 kes tuntutan telah difailkan melalui Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) dan daripada jumlah itu, 163 tuntutan berjaya diselesaikan manakala 25 kes sedang dalam siasatan lanjut kerana berkaitan dengan bidang kuasa agensi lain selain permohonan penangguhan pihak penuntut.

Ujarnya, sebanyak 63 tuntutan pula telah didaftarkan pada

tahun ini membabitkan tuntutan ganti rugi dan perkhidmatan tidak setara seperti katering serta pakej pelancongan.

"Dari sudut penyelesaiannya ia sedang dalam penggiliran selepas penyelesaian kes yang didaftarkan pada tahun sebelumnya.

"Namun begitu, penyelesaian kepada tuntutan ini sentiasa dalam radar KPDNHEP Melaka dan menjadi keutamaan kementerian ini demi memastikan kebajikan pengguna terbela dan terjaga," katanya.